



**PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF FAKIR
DAN MISKIN DALAM MEMBASMI
KEMISKINAN: KAJIAN DI DAERAH YAN,
BALING DAN SIK**

FADHILAH BINTI MOHD ZAINON

**IJAZAH SARJANA
SYARIAH
KULIYAH SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG**

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN
ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
(UniSHAMS)**

2023/1445H

**PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF FAKIR
DAN MISKIN DALAM MEMBASMI
KEMISKINAN: KAJIAN DI DAERAH YAN,
BALING DAN SIK**

**FADHILAH BINTI MOHD ZAINON
M1821071M01**

**Tesis Diserahkan kepada
Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS),
Sebagai Memenuhi Keperluan Sarjana Syariah**

PERAKUAN

Saya, Fadhilah binti Mohd Zainon mengesahkan bahawa, kajian Sarjana saya bertajuk: Pengagihan Zakat kepada Asnaf Fakir dan Miskin dalam Membasmi Kemiskinan: Kajian Kes di Daerah Yan, Baling dan Sik. Saya membaca dan memahami Peraturan dan Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) mengenai plagiat. Saya mengesahkan bahawa semua bahan yang dipersembahkan merupakan hasil kerja saya sendiri. Saya juga mengesahkan sebarang petikan atau penulisan daripada yang sudah diterbitkan atau belum diterbitkan telah diperakui sewajarnya.

Tandatangan :.....

No. Matrik : M1821071M01

Tarikh : 2023/ 1445H

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan kasih sayang serta pertolongannya, memberi peluang untuk memulakan sarjana saya dan untuk menyelesaikan perjalanan panjang dan mencabar ini dengan jayanya. Selawat dan salam ke atas junjungan nabi Muhammad S.A.W yang membawa rahmat ke seluruh alam.

Saya rakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Marina binti Abu Bakar selaku penyelia yang tidak jemu membimbing saya sehingga selesai penulisan ini. Tidak lupa juga kepada mantan penyelia sebelum ini, Dr Akli bin Hj Ahmad yang memberi cadangan tajuk disertasi yang ditulis. Seterusnya, barisan pensyarah dan kakitangan pentadbiran Kuliyyah Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) yang mendidik dan memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian saya di sini.

Penghargaan saya tujukan kepada pihak PETRONAS melalui dana yang di sumbangkan, telah menyelesaikan sebahagian besar yuran pengajian ini. Terima kasih juga kepada pihak LZNK yang membenarkan pegawai zakat daerah Yan, Baling dan Sik memberikan kerjasama untuk membantu saya dalam kajian ini.

Buat anak-anakku, Akhyar, Abban, Azhan, Ahmadi, Anisa, Abbad, Arwa, Afieqah, Amanyl Bushra, terima kasih kerana 9 beradik kamu telah memberikan kerjasama, berdikari dan menjadi pendorong kepada umi untuk berjaya hingga ke tahap ini.

Buat mak, Zurina binti Ahmad, penguat keazaman saya kak Mila, Pak Lang Sham, Mak Su Umi seterusnya adik-adikku, Masyitah, Ahmad Yazid, A'isyah, Faizah, Asma', Ahmad Syauqi, Syakirah dan Ahmad Zahid, terima kasih diucapkan atas dorongan semangat yang diberikan.

Tesis ini didedikasikan untuk ingatan arwah suami Osman bin Abdul Hamid, arwah abah Mohd Zainon bin Ariffin, arwah Pak Ngah Md Lotfi bin Ariffin atas kesungguhan mereka memberikan cabaran dan mendidik saya.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan dan bantuan untuk menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu asnaf fakir dan miskin. Semoga nasib mereka terus terbela dan kemiskinan dapat dibasmi. Alhamdulillah.

ABSTRAK

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia untuk mengatasi kemiskinan, namun sehingga kini usaha tersebut masih belum berjaya mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Zakat merupakan sistem ekonomi yang mana perlaksanaannya dikawal oleh kerajaan. Islam telah mendahului zaman dalam membela asnaf fakir dan miskin melalui peruntukan zakat. Pada tahun 2019 kerajaan melalui Menteri Pembangunan Luar Bandar telah mengisytiharkan daerah Yan, Baling dan Sik yang terletak dalam negeri Kedah menjadi antara 28 daerah yang termiskin di Malaysia. Situasi wabak pandemik COVID-19 yang melanda dunia menyebabkan keadaan kemiskinan menjadi semakin teruk. Pada tahun 2021, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah melaporkan peningkatan bilangan asnaf fakir dan miskin serta agihan zakat yang tidak mencukupi di Kedah. Justeru, kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif. Pertama, adalah untuk menjelaskan hukum pengagihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin dan konsep kemiskinan menurut Islam. Kedua menganalisis bentuk pelaksanaan zakat yang dapat membasmi kemiskinan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin di tiga daerah ini di Kedah. Ketiga mencadangkan penyelesaian pengagihan zakat yang dapat membasmi kemiskinan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, di mana data dikumpul melalui kajian perpustakaan dan temu bual separa struktur bersama pakar akademik dan industri. Dapatan kajian telah dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa hukum agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin adalah wajib mengikut keutamaannya iaitu asnaf fakir dan miskin seterusnya kepada asnaf zakat yang lain berpandukan lapan asnaf zakat berdasarkan firman Allah S.W.T di dalam surah *at-Taubah* ayat ke-60. Selain itu, hasil kajian turut membuktikan bahawa LZNK khususnya Pusat Zakat Daerah (PZD) Yan, Baling dan Sik telah bertungkus-lumus dalam mengagihkan zakat berbentuk konsumtif dan produktif berpandukan *Had al-Kifayah* bagi membantu asnaf fakir dan miskin untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Kajian ini juga merumuskan beberapa bentuk cadangan yang menggabungkan pengagihan zakat yang konsumtif dan produktif kepada asnaf fakir dan miskin yang layak. Sebagai implikasi, kajian ini menggesa pihak-pihak yang terlibat untuk menambahbaik bentuk pengagihan zakat pada masa hadapan agar dapat membasmi kemiskinan, selaras dengan usaha kerajaan Malaysia serta peranan zakat sebagai alat keselamatan sosial yang mampu mengurangkan kemiskinan dalam masyarakat.

Kata kunci: fakir, kualitatif, miskin, pengagihan zakat, kemiskinan.

ABSTRACT

Various efforts have been implemented by the Malaysian government to eradicate poverty, but until now none of the effort has been fruitful. *Zakat* is an economic system whose implementation is controlled by the government. Islam has been ahead of times in defending the poor and needy through *zakat* allocation. In 2019, the government through the Rural Development Minister has declared Yan, Baling and Sik districts located in the state of Kedah to be among the 28 poorest districts in Malaysia. The situation of the COVID-19 pandemic hit the world causing the poverty situation to worsen. In 2021, The Kedah State Zakat Board (LZNK) has reported an increase in the number of the poor and needy as well as insufficient distribution of *zakat* in Kedah. Therefore, this study was conducted based on three objectives. Firstly, to explain the Islamic law of *zakat* distribution to the poor and the needy and the concept of poverty according to Islam. Secondly, to analyse forms of *zakat* implementation that can eradicate poverty among poor and needy in these three districts in Kedah. Thirdly, to propose a solution to the distribution that can eradicate poverty among the poor and needy. This study uses a qualitative design form, where data is collected through library research and semi-structured interviews with academician and industry experts. The findings of the study were analysed using content analysis methods. The results of the study found that the Islamic law of *zakat* distribution is compulsory and must be made according to the eight *zakat* recipient as mentioned in the surah *at-Taubah* verse 60 which prioritise the poor and the needy as the first recipients. In addition, the results of the study also prove that LZNK especially Zakat District Office (PZD) Yan, Baling and Sik have worked hard in distributing consumptive and productive *zakat* based on *Had al-Kifayah* to help the poor and the needy to get out of the poverty. This study also summarizes some forms of proposal that combines the distribution of consumptive and productive *zakat* to the deserving *zakat* recipients from the poor and the needy. For implication, this study urges the parties involved to improve the forms of *zakat* distribution in the future in order to eradicate poverty, in line with the Malaysian government's efforts and role of *zakat* as a social security tool that can reduce poverty in society.

Keywords: needy, qualitative, poor, *zakat* distribution, poverty.

ISI KANDUNGAN

APPROVAL PAGE	ii
PERAKUAN.....	iii
PENGHARGAAN.....	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH.....	xiv
SENARAI TRANSLITERASI.....	xv
SENARAI UNDANG-UNDANG/ STATUT	xvii
SENARAI LAMPIRAN.....	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.3.1 Peningkatan Bilangan Asnaf Fakir dan Miskin	7
1.3.2 Pengagihan Zakat Yang Tidak Mencukupi.....	8
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Signifikan Kajian	13
1.7 Skop dan Limitasi Kajian	15
1.8 Definisi Operasi	17
1.8.1 Fakir	17
1.8.2 Miskin	18
1.8.3 Kualitatif	18
1.8.4 Pengagihan Zakat	19
1.8.5 Kemiskinan	20
1.9 Kerangka Kajian	23
1.10 Penutup	25
BAB 2 SOROTAN LITERATUR.....	26
2.1 Pengenalan	26
2.2 Sorotan Literatur	26

2.2.1	Pengagihan Dana Zakat.....	32
2.2.2	Pengagihan Zakat Kepada Asnaf	33
2.2.3	Kemiskinan Dari Perspektif Islam	37
2.3	Rumusan Sorotan Literatur	43
2.4	Analisis Jurang Kajian	44
2.5	Penutup	45
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		46
3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	47
3.3.1	Pengumpulan Data Primer	48
3.3.2	Pengumpulan Data Sekunder	49
3.3.3	Kaedah Analisa Data.....	50
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	50
3.4.1	Prosedur Temu bual	52
3.4.2	Lokasi Kajian	53
3.5	Penutup	53
BAB 4 HUKUM PENGAGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF FAKIR DAN MISKIN SERTA KONSEP KEMISKINAN MENURUT ISLAM		54
4.1	Pengenalan	54
4.2	Definisi Zakat	54
4.3	Pensyariatatan Zakat	56
4.4	Objektif Agihan Zakat	56
4.5	Hukum Berzakat Mengikut Islam	57
4.5.1	Dalil daripada Al-Quran.....	57
4.5.2	Dalil Daripada Hadis Rasulullah S.A.W.....	58
4.6	Hikmah Zakat	59
4.7	Dalil Asnaf Zakat	60
4.8	Asnaf –Asnaf Zakat	61
4.8.1	Keutamaan Asnaf Fakir dan Miskin	63
4.9	Syarat Wajib Zakat	64
4.10	Jenis-Jenis Zakat	64

4.11	Definisi Fakir dan Miskin	64
4.11.1	Perbezaan Fakir dan Miskin Menurut Ulama'	65
4.12	<i>Had Al-Kifayah</i>	66
4.12.1	Penentuan <i>Had al-Kifayah</i> Menurut Al-Qur'an dan Hadis.....	66
4.12.2	<i>Had al-Kifayah</i> bagi asnaf Fakir dan Miskin.....	69
4.13	Konsep Kemiskinan Menurut Islam	70
4.14	Penutup	72
	BAB 5 BENTUK PENGAGIHAN ZAKAT OLEH LZNK.....	73
5.1	Pengenalan	73
5.2	Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	74
5.2.1	Visi dan Misi LZNK	75
5.2.2	Agihan Zakat Menurut Enakmen LZNK 2015	76
5.3	Daerah Yan, Baling dan Sik	77
5.4	Perbincangan dan Analisa Dapatan Kajian	80
5.4.1	Pelaksanaan Agihan Zakat Oleh LZNK.....	80
5.4.2	Pelaksanaan <i>Had al-Kifayah</i> oleh LZNK	83
5.4.3	<i>Had al-Kifayah</i> Sebagai Penilaian Kemiskinan.....	89
5.4.4	Bentuk Pengagihan Zakat yang Dapat Membasmi Kemiskinan	91
5.4.5	Kriteria Agihan Zakat Di Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin Oleh LZNK	95
5.4.6	Penentuan Agihan Bantuan Zakat Fakir dan Miskin Oleh LZNK	96
5.4.7	Kesan Agihan Zakat Oleh PZD Kepada Asnaf Fakir dan Miskin	98
5.4.8	Kisah Kejayaan Agihan Zakat di Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin	104
5.4.9	Cabaran Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin	106
5.4.10	Saranan Pembasmian Kemiskinan Dalam Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin	111
5.5	Penutup	116

BAB 6 RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP	117
6.1 Pengenalan	117
6.2 Rumusan Dapatan Kajian	117
6.2.1 Hukum Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin.....	117
6.2.2 Bentuk Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin Oleh LZNK Melalui PZD Dalam Membasmi Kemiskinan	118
6.2.3 Kejayaan Agihan Kepada Asnaf Melalui Lantikan Pembantu Amil	119
6.2.4 Cabaran Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin	119
6.3 Rumusan Cadangan Pengagihan Yang Dapat Mengeluarkan Asnaf Fakir dan Miskin Dari Garis Kemiskinan	119
6.3.1 Tambahan Agihan Produktif Kepada Asnaf Fakir dan Miskin	120
6.3.2 Mempergiat Program Kerohanian dan Kursus Motivasi	120
6.3.3 Semakan Semula Kadar <i>Had al-Kifayah</i> dan Terbitkan.....	121
6.3.4 Bekerjasama bersama Agensi Kerajaan, Swasta dan NGO	121
6.4 Implikasi Kajian	122
6.4.1 Institusi Zakat.....	122
6.4.2 Pembayar Zakat.....	123
6.4.3 MAIN.....	123
6.4.4 JAWHAR.....	123
6.4.5 Badan Berkanun	123
6.4.6 Badan Korporat	124
6.4.7 Jabatan Kebajikan Masyarakat.....	124
6.4.8 NGO dan Golongan Elit.....	124
6.4.9 Jabatan Fatwa	124
6.4.10 Pengkaji Dalam Bidang Akademik.....	125
6.4.11 Asnaf Fakir dan Miskin.....	125
6.5 Cadangan Kajian Masa Hadapan	125
6.6 Penutup	126

RUJUKAN	127
LAMPIRAN 1	135
LAMPIRAN 2	136
LAMPIRAN 3	137

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1:	Statistik Kutipan Zakat Kedah 2015-2018.	9
Jadual 1.2:	Statistik Kutipan Zakat Kedah Tahun 2019-2020.	10
Jadual 1.3:	Statistik Agihan Zakat Kedah Tahun 2015-2018.	10
Jadual 1.4:	Statistik Agihan Zakat Kedah 2021.	11
Jadual 3.1:	Profil Responden dan Informan Kajian.	49
Jadual 5.1:	Unjuran Jumlah Penduduk Yan Mengikut Mukim.	78
Jadual 5.2:	Unjuran Jumlah Penduduk Baling Mengikut Mukim.	79
Jadual 5.3:	Unjuran Jumlah Penduduk Sik Mengikut Kaum.	80
Jadual 5.4:	Pelaksanaan Agihan Zakat Mengikut Lunas-Lunas Islam.	81
Jadual 5.5:	Pelaksanaan Agihan Zakat Mengikut Kariah Masjid.	83
Jadual 5.6:	Pelaksanaan Agihan Zakat Berpandukan <i>Had al-Kifayah</i> .	85
Jadual 5.7:	Pelaksanaan Nilai <i>Had al-Kifayah</i> .	88
Jadual 5.8:	Pelaksanaan <i>Had al-Kifayah</i> Sebagai Pembasmi Kemiskinan.	90
Jadual 5.9:	Bentuk Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin.	92
Jadual 5.10:	Kriteria Kelayakan Permohonan Zakat Asnaf Fakir dan Miskin.	95
Jadual 5.11:	Penentuan Agihan Zakat Asnaf Fakir dan Miskin.	97
Jadual 5.12:	Kesan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin.	99
Jadual 5.13:	Agihan Zakat Yang Berpotensi Mengeluarkan Asnaf Dari Kemiskinan.	101
Jadual 5.14:	Permasalahan Penerima Agihan Zakat Asnaf Fakir dan Miskin.	103
Jadual 5.15:	Kejayaan Agihan Zakat Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Lantikan Penolong Amil.	104
Jadual 5.16:	Sumbangan Pembantu Amil Kepada PZD Dalam Menangani Cabaran Agihan.	105
Jadual 5.17:	Cabaran Peruntukan Agihan Zakat.	107
Jadual 5.18:	Cabaran Kekurangan Kakitangan PZD.	108
Jadual 5.19:	Cabaran Agihan Waktu Pandemik dan Cabaran Demografi Kawasan.	109
Jadual 5.20:	Cabaran Kritikan Masyarakat.	111
Jadual 5.21:	Cadangan Pembasmian Kemiskinan Dalam Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin.	112

Jadual 5.22: Cadangan Perbincangan Meja Bulat Bersama Semua Agensi Berkaitan.	114
Jadual 5.23: Saranan Pameriksaan Tugas Penolong Amil.	115

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Pengagihan Zakat oleh LZNK Sehingga Mac 2020	11
Rajah 2.1	<i>Had al-Kifayah</i>	34
Rajah 3.1	Responden Kajian dan Informan Kajian	49
Rajah 5.1	Carta Organisasi LZNK	75
Rajah 5.2	Carta Organisasi LZNK 2023	84
Rajah 5.3	Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin	94